A

Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Bhd v Perangsang Tenggara Sdn Bhd

B

COURT OF APPEAL (PUTRAJAYA) — CIVIL APPEAL NO B-02(NCvC)(W)-2549–12 OF 2018
LAU BEE LAN, RAVINTHRAN AND MOHD SOFIAN JJCA
22 OCTOBER 2021

C

Contract — Termination — Notice of termination — Appellant and respondent entered into property management company and guaranteed revenue agreement — Respondent failed to pay revenue return as required under agreement — Appellant issued notice of termination — Whether notice of termination of agreement was lawful

D

The appellant as the owner of a building known as Wisma KPAT ('the building') located on a plot of land in Bandar Shah Alam ('the land') had entered into a guaranteed revenue agreement dated 26 June 2010 ('the GRA') with the respondent for the purpose of renting out the building to third parties. The keys of the building were given by the appellant to one Nor Adli, the respondent's director on 14 April 2011. Due to difficulties in obtaining tenants, the appellant had accepted the respondent's proposal to convert the building into a hotel ('the project'). The appellant then entered into a hotel construction agreement ('the HCA') with Genessy Hills Sdn Bhd ('GHSB') for the purpose of the project. Subsequently, vide a property management company and guaranteed revenue agreement ('the PMC and GRA'), the appellant had appointed the respondent as an independent hotel management company to perform the services described in the PMC and GRA prior to the completion, during construction and after completion of the project. Under the PMC and GRA, the respondent was to pay the appellant an agreed revenue consisting of a fixed monthly sum of RM100,000 and percentage of the yearly net profit of the hotel business ('revenue return'). The payment of the revenue return was to commence upon vacant possession being given to the respondent as provided in cl 7 of the PMC and GRA. The respondent had begun generating revenue since 2016 but the respondent failed to pay the revenue return. Consequently, the appellant had issued a notice of termination dated 19 October 2017 and due to the failure of the respondent to make good of the breaches within the stipulated time, the appellant had terminated the PMC and GRA vide a letter dated 20 December 2017. Despite the termination, the respondent failed to return the vacant possession of the building and the land to the appellant, hence, the legal action against the respondent. The High Court had made an interim order for the respondent to vacate the hotel. At the end of the case, the learned judicial commissioner ('the JC') dismissed the appellant's action and held that the termination was unlawful. The JC further

E

F

G

H

I

ordered for assessment of damages for unlawful termination of the PMC and GRA. Aggrieved by the said decision, the appellant filed the present appeal. The issue for consideration was whether the termination notice of the PMC and GRA by the appellant's solicitor dated 19 October 2017 was lawful or otherwise.

Held, allowing the appeal with costs of RM40,000 here and below to the appellant subject to allocatur and setting aside the judgment of the High Court:

(1) The learned JC had not considered cll 4(b) and 11(a) which confirmed the respondent's obligation arose prior to the completion, during construction and after completion of the hotel which in a commercial sense it could not be interpreted that the obligation would only arise after the hotel was completed and operating. The learned JC in interpreting cl 7 of the PMC and GRA had erroneously relied on a separate and distinct agreement namely the HCA as collateral agreement. Both the PMC and GRA and HCA were not part of the same transaction and served a different purpose and function. In addition, the respondent did not plead in its defence that the HCA was a collateral agreement, and it should be read together. Based on the above findings, the court held that the appellant's claim commenced from date of vacant possession was given to the respondent on 14 April 2011 under the GRA and had continued throughout the material time including on 26 July 2013 (see paras 35 & 38–40).

(2) It was not disputed that the respondent had been occupying the building throughout the material time when the PMC and GRA was signed and that the respondent had begun generating income, but the respondent failed to pay the revenue return as required under the PMC and GRA which led to the termination of the same. The learned JC erred in her findings that the notice of termination of the PMC and GRA by the appellant was not lawful. The reasons for the termination were contained in the notice of termination dated 19 October 2017, followed by another letter dated 20 October 2017 from the appellant's solicitor to the respondent and this was in compliance with cl 12(b) of the PMC and GRA (see paras 41–45).

(3) Based on the above findings, the court allowed general damages to be assessed by the registrar of the High Court in favour of the appellant to be computed 12 months from 25 July 2012 ie 26 July 2013 until the keys of the hotel were returned to the appellant ie 4 June 2018. The court however dismissed the appellant's claim for damages under cl 7 of the PMC and GRA because the provision was only applicable if the hotel was fully operational. Finally, the court set aside the order for assessment of

general damages that was made in favour of the respondent in the counterclaim because the termination by the appellant was lawful (see paras 46–48).

[Bahasa Malaysia summary

Perayu sebagai pemilik bangunan yang dikenali sebagai Wisma KPAT ('bangunan tersebut') yang terletak di sebidang tanah di Bandar Shah Alam ('tanah tersebut') telah menandatangani perjanjian jaminan hasil bertarikh 26 Jun 2010 ('GRA') dengan responden bagi tujuan untuk menyewakan bangunan tersebut kepada pihak ketiga. Kunci bangunan tersebut telah diberikan oleh perayu kepada seorang yang bernama Nor Adli, pengarah responden pada 14 April 2011. Disebabkan kesukaran untuk mendapatkan penyewa, perayu telah menerima cadangan responden untuk menukar bangunan tersebut menjadi sebuah hotel ('projek tersebut'). Perayu kemudiannya telah memeterai perjanjian pembinaan hotel ('HCA') dengan Genessy Hills Sdn Bhd ('GHSB') bagi tujuan projek tersebut. Setelah itu, melalui perjanjian syarikat pengurusan hartanah dan jaminan hasil ('PMC dan GRA'), perayu telah melantik responden sebagai syarikat pengurusan hotel bebas untuk melaksanakan perkhidmatan yang dinyatakan dalam PMC dan GRA sebelum siap, semasa pembinaan dan selepas siap projek. Berdasarkan PMC dan GRA, responden perlu membayar kepada perayu hasil yang dipersetujui yang terdiri daripada jumlah tetap bulanan RM100,000 dan peratusan keuntungan bersih tahunan perniagaan hotel ('pulangan hasil'). Pembayaran pulangan hasil bermula apabila milikan kosong diberikan kepada responden seperti yang diperuntukkan dalam klausa 7 PMC dan GRA. Responden telah mula menjana pendapatan sejak 2016 tetapi responden gagal membayar pulangan hasil tersebut. Akibatnya, perayu telah mengeluarkan notis penamatan bertarikh 19 Oktober 2017 dan disebabkan kegagalan responden untuk menebus pelanggaran tersebut dalam masa yang ditetapkan, perayu telah menamatkan PMC & GRA melalui surat bertarikh 20 Disember 2017. Walaupun perjanjian tersebut telah ditamatkan, responden masih gagal mengembalikan milikan kosong bangunan dan tanah tersebut kepada perayu, justeru, tindakan undang-undang telah diambil terhadap responden. Mahkamah Tinggi telah membuat perintah interim supaya responden mengosongkan hotel tersebut. Pada akhir kes, pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana ('PK') menolak tindakan perayu dan berpendapat bahawa penamatan tersebut adalah menyalahi undang-undang. Pesuruhjaya kehakiman selanjutnya memerintahkan penilaian ganti rugi untuk penamatan PMC dan GRA yang menyalahi undang-undang. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan semasa. Isu untuk pertimbangan adalah sama ada notis penamatan PMC dan GRA oleh peguam cara perayu bertarikh 19 Oktober 2017 adalah sah atau sebaliknya.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos RM40,000 diberikan kepada perayu di mahkamah ini dan mahkamah bawahan tertakluk kepada alokatur

dan mengetepikan penghakiman Mahkamah Tinggi:

(1) Pesuruhjaya kahakiman yang bijaksana tidak mempertimbangkan klausa 4(b) dan klausa 11(a) yang mengesahkan kewajipan responden timbul sebelum siap, semasa pembinaan dan selepas siap hotel yang dalam erti kata komersil ia tidak boleh ditafsirkan bahawa kewajipan tersebut hanya akan timbul selepas hotel siap dan beroperasi. Pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana dalam mentafsir klausa 7 PMC dan GRA telah bergantung secara salah pada perjanjian yang berasingan dan berbeza iaitu HCA sebagai perjanjian kolateral. Kedua-dua PMC dan GRA dan HCA bukan sebahagian daripada transaksi yang sama dan mempunyai tujuan dan fungsi yang berbeza. Di samping itu, responden tidak memplid dalam pembelaannya bahawa HCA adalah perjanjian kolateral, dan ia harus dibaca bersama. Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah memutuskan bahawa tuntutan perayu bermula dari tarikh milikan kosong diberikan kepada responden pada 14 April 2011 di bawah GRA dan telah diteruskan sepanjang masa material termasuk pada 26 Julai 2013 (lihat perenggan 35 & 38–40).

(2) Tidak dipertikaikan bahawa responden telah menduduki bangunan tersebut sepanjang masa material apabila PMC dan GRA ditandatangani dan bahawa responden telah mula menjana pendapatan, tetapi responden gagal membayar pulangan hasil seperti yang dikehendaki di bawah PMC dan GRA yang seterusnya membawa kepada penamatan perjanjian tersebut. Pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana terkhilaf dalam dapatannya bahawa notis penamatan PMC dan GRA oleh perayu adalah tidak sah di sisi undang-undang. Sebab-sebab penamatan adalah terkandung dalam notis penamatan bertarikh 19 Oktober 2017, diikuti dengan surat yang lain bertarikh 20 Oktober 2017 daripada peguamcara perayu kepada responden dan ini mematuhi klausa 12(b) PMC dan GRA (lihat perenggan 41–45).

(3) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah membenarkan tuntutan ganti rugi am yang akan dinilai oleh pendaftar Mahkamah Tinggi diberikan kepada perayu dikira 12 bulan daripada tarikh 25 Julai 2012 iaitu 26 Julai 2013 sehingga kunci hotel dipulangkan kepada perayu iaitu pada 4 Jun 2018. Mahkamah bagaimanapun menolak tuntutan perayu untuk ganti rugi di bawah klausa 7 PMC dan GRA kerana peruntukan tersebut hanya terpakai jika hotel tersebut beroperasi sepenuhnya. Akhir sekali, mahkamah mengetepikan perintah taksiran ganti rugi am yang diberikan kepada responden dalam tuntutan balas kerana penamatan oleh perayu adalah sah (lihat perenggan 46–48).]

Cases referred to

Berjaya Times Squares Sdn Bhd (formerly known as Berjaya Ditan Sdn Bhd) v M Concept Sdn Bhd [2010] 1 MLJ 597; [2009] 3 MLRA 1, FC (folld)

A *Glamour Green Sdn Bhd v Ambank Bhd & Ors and another appeal* [2006] MLJU 649, CA (distd)
SPM Membrane Switch Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Selangor [2016] 1 MLJ 464, FC (refd)

B **Appeal from:** Civil Application No BA-22NCvC-8–01 of 2018 (High Court, Shah Alam)

Rajashree a/p Suppiah (Kuan Kai Tat with her) (Rajashree) for the appellant.
Mohd Munzeer bin Zainul Abidin (Adam Luqman Amdan with him) (Yusfarizal,
C *Aziz & Zaid) for the respondent.*

Mohd Sofian JCA:

INTRODUCTION

D

[1] This is the appellant/plaintiff's appeal against the decision of the High Court after a full trial in dismissing the plaintiff's statement of claim and allowing the respondent/defendant's counterclaim for general damages with costs of RM30,000.

E

[2] For ease of reference, parties will be referred to as they were in the proceedings before the High Court.

F **[3]** Having considered the appeal records and the submissions of the parties in the appeal, it is our unanimous decision that the appeal is allowed with costs. We now give our reasons for the same.

BACKGROUND FACTS

G

[4] The plaintiff was the registered proprietor and legal owner of Wisma KPAT located at Lot 1, 1A-1 G and 3, 3A-3G, Pusat Perniagaan Suri Puteri, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan ('the building') on the land held under Suratan Hakmilik Strata No PN94676,
H Bangunan No M2, Tingkat No 1, Petak No 357, Lot No 1679, Seksyen 20, Bandar Shah Alam, Daerah Petaling, Negeri Selangor ('the land').

[5] In or around 2010, the plaintiff intended to invest on the development of the building for the interests of their members. A guaranteed revenue
I agreement dated 26 June 2010 ('the GRA') was entered into between the plaintiff and the defendant which contain the following terms:

(a) the plaintiff appointed the defendant *to rent out the building to third parties* with the intention that the revenue return from the rental of the building would be paid to the plaintiff; and

(b) on 14 April 2011, the plaintiff promptly gave the keys of the building to Nor Adli bin Suparman ('Nor Adli'), who was one of the directors of the defendant and *vacant possession* of the newly acquired building was thus given to the defendant. *(The building was certified to be occupied on 14 January 2011 and the vacant possession of the building was given to the plaintiff by the developer on 18 January 2011)*.

[6] In or around 2011, when there were difficulties obtaining tenants, the defendant proposed to renovate and convert the building into a hotel ('the project') and this proposal had been accepted by the plaintiff.

[7] In or around 2012, the plaintiff chose and appointed Genessy Hills Sdn Bhd ('GHSB') as the main contractor for the project and a hotel construction agreement ('HCA') was entered into between the plaintiff and GHSB. The defendant and the GHSB had common directors and shareholders and both were managed by Nor Adli.

[8] Subsequently on 25 July 2012, a property management company and guaranteed revenue agreement ('PMC and GRA') was entered into between the plaintiff and the defendant. Via the PMC and GRA agreement, the defendant was appointed as an independent hotel management company ('PMC') which took effect immediately during the construction period and as the *exclusive operator* and hotel management to perform the services described in the PMC and GRA prior to the completion, during construction and after completion of the project.

[9] The primary monetary obligation of the defendant under the PMC and GRA was to pay the plaintiff an agreed revenue consisting of a fixed monthly sum of RM100,000 and percentage of the yearly net profit of the hotel business ('revenue return'). The payment of the revenue return was to commence upon vacant possession being given to the defendant as provided in cl 7 of the PMC and GRA which stated as follows:

> 7 Revenue return
>
> The parties hereby agree that in consideration of PTSB being appointed as PMC and the latter having the right to collect payment from the operation and business of the hotel and to earn profit and benefit from the said operation, PTSB shall pay to KPATB revenue return on yearly basis and in such an amount as set out in the *Second Schedule*. The first year payment of the revenue return shall commence from the *date full vacant possession* is given to PTSB notwithstanding whether PTSB has obtained the certificate of completion and compliance to the hotel to commence business and all other licenses related thereto subject to the same being applied for and rejected by the relevant authorities and also that all other facilities be fully in operation.

[10] In or around 2016, an opening ceremony (soft launch) of the hotel was held and the hotel had commenced operation and/or business under the name of 'Suunah Kekabu Resort Hotel' ('the hotel'). The hotel had begun generating an income or revenue since then. However, the plaintiff did not receive any benefit or payment of the contractually agreed revenue return from the defendant.

[11] The defendant failed and/or neglected to comply with the terms and conditions of the PMC and GRA, and therefore, committed various contractual breaches.

[12] Consequently, the *plaintiff gave the defendant a notice of termination of the PMC and GRA via letter dated 19 October 2017*. Upon the expiration of 60 days and the defendant failed to make good of the breaches, the plaintiff terminated the PMC and GRA by a letter dated 20 December 2017 and instructed the defendant to vacate the hotel upon the termination.

[13] The defendant ignored the notice dated 20 December 2017 and failed and/or neglected to return the vacant possession of the building and the land.

[14] The plaintiff commenced the legal proceedings against the defendant in early January 2018 and made an application for interim reliefs which is to retake possession of the hotel.

[15] In para 23 of the statement of claim, plaintiff prayed for the following:

> 23 Oleh yang demikian, plaintif memohon perintah seperti berikut:
>
> 23.1 bahawa defendan dan/atau pekerjanya dan/atau penamanya dan/atau wakil dan/atau agennya mengembalikan milikan kosong yang dipegang di bawah Suratan Hakmilik No PN94676, Bangunan No M2, Tingkat No 1, Petak No 357, Lot No 1679, Seksyen 20, Bandar Shah Alam, Daerah Petaling, Negeri Selangor ('tanah tersebut') dengan serta merta;
>
> 23.2 bahawa defendan dan/atau pekerjanya dan/atau penamanya dan/atau wakil dan/atau agennya dihalang dari memasuki dan/atau terus menduduki, dan/atau terus menceroboh atas bangunan tersebut dan tanah tersebut;
>
> 23.3 bahawa defendan dan/atau pekerjanya dan/atau penamanya dan/atau wakil dan/atau agennya dihalang dari meneruskan operasi dan perniagaan hotel di bangunan tersebut dan di atas tanah tersebut;
>
> 23.4 satu injunksi mandatori bahawa defendan dan/atau pekerjanya dan/atau penamanya dan/atau wakil dan/atau agennya diarahkan untuk menyerahkan segala lesen, permit, kelulusan yang diperolehi sebagai PMC kepada plaintif dalam tempoh tiga hari dari tarikh perintah di sini;
>
> 23.5 defendan diarahkan untuk menzahirkan buku-buku akaun, penyata kira-kira, penyata untung rugi dan semua rekod kewangan serta 'hotel occupancy records'

berkenaan dengan operasi hotel dan memberi perakaunan bagi menentukan kepulangan 20% daripada keuntungan bersih tahunan bagi tahun pertama dan tahun-tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017;

23.6 defendan diarahkan untuk membayar kepada plaintif jumlah yang akan ditentukan sebagai kepulangan 20% daripada keuntungan bersih tahunan bagi tahun pertama dan tahun-tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017;

23.7 defendan diarahkan untuk membayar kepada plaintif 'revenue return' tetap mulai Ogos 2013 sehingga Disember 2017 sebanyak RM5,300,000;

23.8 defendan diarahkan untuk membayar kepada plaintif denda yang dikenakan oleh pihak berkuasa sebanyak RM60,930;

23.9 defendan diarahkan untuk membayar kepada plaintif tunggakan bayaran penyelenggaraan bangunan tersebut ('maintenance fee') sebanyak RM68,814.72 setakat 30 September 2017;

23.10 gantirugi am yang akan ditaksirkan;

23.11 gantirugi bagi pencerobohan yang ditaksirkan oleh mahkamah mulia ini dari 20 Disember 2017 sehingga pencerobohan tamat;

23.12 gantirugi teladan ('exemplary damages') yang ditaksirkan oleh mahkamah mulia ini;

23.13 kos bagi tindakan ini alas dasar peguamcara dan klien;

23.14 faedah pada kadar atas gantirugi berkenaan daripada tarikh tindakan ini hingga ke tarikh penyelesaian penuh; dan

23.15 lain-lain relif yang mahkamah mulia ini fikirkan patut dan sesuai.

[16] On 30 May 2018, the High Court of Malaya in Shah Alam had made an interim order against the defendant and ordered the defendant to vacate the hotel.

[17] On 4 June 2018, the keys of the hotel were returned to the plaintiff.

DECISION OF THE HIGH COURT

[18] On 14 November 2018, at the conclusion of the trial, the learned judicial commissioner ('learned JC') found that the plaintiff had failed to prove their claim against the defendant and defendant had succeeded in part in their counterclaim.

[19] There are five issues that had been considered by the learned JC. The learned JC concluded, inter alia, in her grounds of judgment as follows:

(a) Persoalan disini apakah milikan kosong sepenuhnya yang dimaksudkan dalam klausa 7 PMC dan GRA dalam menjawab isu pembayaran *revenue return*. Dari penelitian saya, tiada definasi milikan kosong sepenuhnya yang diberi dalam PMC dan GRA yang mana ditafsir secara berbeza oleh

plaintif dan defendan. Dalam hal ini PMC dan GRA tersebut tidak memperuntukkan definisi dan/atau maksud 'milikan kosong'. Dalam ketiadaan definisi tersebut, adalah perlu dinilai dalam konteks perjanjian untuk mengenal pasti maksud sebenar 'milikan kosong'. Oleh itu dalam menentukan interpretasi ini, saya perlu melihat kepada niat dan tujuan sebenar *(true intention of the parties)* perjanjian PMC dan GRA dimasuki oleh kedua-dua pihak.

(b) Saya berpendapat PMC dan GRA dan HCA juga hendaklah dirujuk secara bersesama bagi mengetahui maksud sebenar terma-terma perjanjian secara keseluruhannya. HCA yang dimeterai diantara plaintif dan GHSB adalah satu perjanjian kolateral yang wujud 'side by side' dengan PMC dan GRA. Rujuk silang antara HCA dan PMC dan GRA hendaklah dibuat kerana kedua-dua perjanjian ini wujud serentak bagi mengawal selia 'subject matter' yang sama iaitu Wisma KPATB.

(c) Adalah jelas dari keterangan yang dikemukakan bahawa plaintif bercadang untuk membuat perniagaan perhotelan dan pulangan pendapatan adalah terhasil dari pendapatan sewaan bilik-bilik hotel. Manakala defendan pula diberi kuasa untuk mengurus hotel tersebut dan membayar revenue return mengikut kadar yang telah ditetapkan dan dipersetujui setelah hotel tersebut beroperasi dan mendapat pulangan.

(d) Saya mendapati adalah jelas dari klausa 7 PMC dan GRA bahawa defendan telah diberi hak untuk mengutip bayaran dari operasi dan perniagaan hotel dan untuk memperolehi keuntungan dan faedah dari operasi tersebut.

(e) Klausa 7 PMC dan GRA juga memperuntukkan bayaran *revenue return* bermula dari penyerahan milikan kosong oleh plaintif kepada defendan. Plaintif berpendirian bahawa tarikh milikan kosong penuh telah diserahkan kepada defendan pada 14 April 2011. Manakala sebaliknya defendan menegaskan kewajipannya untuk membuat bayaran *revenue return* belum berbangkit kerana milikan kosong penuh belum lagi diberikan kepadanya. Plaintif akan dapat keuntungan dari bayaran *revenue return* setelah pembinaan dan pengubahsuaian hotel disiapkan sepenuhnya oleh GHSB dan seterusnya milikan kosong penuh diserahkan kepada defendan setelah perniagaan perhotelan mula beroperasi. Dalam membuat interpretasi klausa 7 PMC dan GRA, saya akan melihat dari sudut milikan kosong dan *revenue return*.

(f) Plaintif dalam tuntutannya menyatakan bahawa milikan kosong penuh telah diberikan kepada defendan pada 14 April 2011 (iaitu ketika pihak-pihak memasuki GRR iaitu lebih kurang setahun sebelum PMC dan GRA tersebut dimeterai) adalah milikan kosong yang dimaksudkan dalam klausa 7 PMC dan GRA tersebut. Atas alasan ini, plaintif menghujahkan kiraan *revenue return* sudah bermula dari tarikh milikan kosong pada 14 April 2011 tersebut.

(g) Saya berpendapat bahawa milikan kosong yang diserahkan oleh plaintif kepada GHSB pada 14 April 2011 membawa maksud miilikan kosong

bagi tujuan kerja-kerja pengubahsuaian Wisma KPATB kepada hotel dan bukannya serahan milikan kosong hotel yang dimaksudkan di klausa 7 PMC dan GRA. Sejajar dengan HCA, milikan kosong tersebut akan diambil semula oleh plaintif setelah perakuan layak menduduki diperolehi. Serahan milikan kosong Wisma KPATB tersebut pada pendapat saya tidak lagi terpakai apabila plaintif dan defendan tidak meneruskan lagi GRR kerana milikan kosong bangunan itu diserahkan kepada GHSB untuk kerja-kerja pengubahsuaian dan pembinaan hotel dan tidak lagi terpakai dengan kewujudan PMC dan GRA.

(h) Adalah jelas juga bahawa PMC dan GRA merujuk kepada pengubahsuaian dan pembinaan hotel yang mana klausa 2 PMC dan GRA telah memperuntukkan definisi 'hotel completion' berkaitan dengan bangunan hotel. Oleh itu saya berpendapat bahawa 'hotel completion' membawa maksud bahawa hotel hanya boleh dikatakan siap apabila kerja-kerja pengubahsuaian dan pembinaan hotel tersebut oleh GHSB telah lengkap dan siap sepenuhnya serta diakui sah oleh arkitek yang dilantik.

(i) Saya tidak dapat menerima hujahan plaintif iaitu sekiranya kedua-dua pihak berniat untuk pembayaran *revenue return* bermula selepas 'hotel completion' maka perkataan ini hendaklah dinyatakan dalam klausa 7 PMC dan GRA tanpa menggunakan perkataan milikan kosong dari awal lagi. Di tahap ini saya berpendapat bahawa milikan kosong dalam klausa 7 PMC dan GRA tidak mungkin berlaku sebelum hotel completion. Apabila perkataan milikan kosong dinyatakan dalam klausa 7 PMC dan GRA, ianya semestinya membawa maksud milikan kosong merujuk kepada milikan kosong selepas 'hotel completion'. Dalam hal ini keterangan menunjukkan bahawa pembinaan hotel tersebut masih lagi belum disiapkan sepenuhnya oleh GHSB menurut HCA dan juga tidak memenuhi maksud 'hotel completion' di bawah klausa 2 PMC dan GRA dan dalam mengubahsuai Wisma KPATB sebagai sebuah hotel, plaintif telah melantik GHSB melalui surat tawaran (eksh P21) yang bertarikh pada 22 Jun 2012 diuruskan secara ekslusif oleh defendan.

(j) Persoalan sama ada pembinaan hotel tersebut siap atau pun tidak adalah bergantung kepada pengesahan oleh arkitek yang dilantik. Dari keterangan juga mendapati plaintif pada hakikatnya mengakui bahawa pembinaan hotel tersebut belum lagi siap sepenuhnya. lni dapat dilihat melalui surat plaintif kepada perbadanan pengurusan bangunan tersebut bertarikh 3 Januari 2017 (eksh D55) yang merayu untuk penangguhan kadar bayaran senggaraan. Melalui eksh D55, plaintif mengakui bahawa hotel tersebut belum lagi siap kerana pihak arkitek masih belum mengaku sah penyiapan hotel dengan beberapa sijil penyiapan masih dalam proses kelulusan dan operasi hotel masih terbatas dan tidak sepenuhnya.

(k) Oleh kerana hotel masih belum siap sepenuhnya dan milikan kosong masih belum diserahkan dan milikan kosong masih lagi dipegang oleh GHSB dan tidak bertukar tangan sehinggalah perintah injuksi interlokutori dilaksanakan oleh GHSB, maka saya memutuskan bahawa tidak ada pelanggaran yang dilakukan oleh defendan yang membolehkan

penamatan dibuat dibawah klausa 12(b) PMC dan GRA. Dengan ini, notis penamatan PMC dan GRA yang dibuat oleh plaintif dibawah klausa 12(b) adalah tidak sah.

(l) Pada pendapat saya proviso 'notwithstanding' dalam klausa 7 PMC dan GRA tidak terpakai dalam kes ini, cuma hanya digunapakai dalam keadaan sekiranya sijil atau kelulusan lambat diperolehi atau mengambil masa yang lama untuk dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dengan syarat hotel tersebut sudah boleh beroperasi.

(m) Dalam memutuskan isu bilakah pembayaran *revenue return* berkuatkuasa, maka disini saya memutuskan bahawa bayaran *revenue return* tersebut masih belum berkuatkuasa kerana pembinaan hotel tersebut belum disiapkan dan milikan penuh masih lagi belum diserahkan kepada defendan. Dalam masa yang sama bayaran revenue return yang dimaksudkan dalam klausa 7 PMC dan GRA adalah berkaitan dengan perhotelan dan bukannya berkaitan dengan serahan milikan kosong Wisma KPATB kerana ini adalah bertepatan dengan hasrat dan tindakan kedua-dua pihak apabila memasuki perjanjian PMC dan GRA.

(n) Saya mendapati defendan tidak melanggar terma-terma PMC dan GRA dan defendan tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar *revenue return* selagi milikan kosong penuh tidak diberi mengikut perjanjian tersebut Oleh itu berdasarkan klausa 7 kewajipan untuk membayar *revenue return* hanya akan bermula dari tarikh milikan kosong sepenuh diberikan kepada defendan oleh plaintif yang mana ianya masih belum dilaksanakan. Dalam masa yang sama klausa 4(b) PMC dan GRA yang memperuntukkan mengenai tugas dan tanggungjawab defendan sebagai konsultan sebelum, semasa dan selepas pembinaan hotel tersebut tiada kaitan dengan pembayaran *revenue return*. Pada tahap ini defendan selaku konsultan hanya mempunyai tanggungjawab untuk menyelia dan selagi defendan belum mendapat milikan kosong, defendan tidak bertanggungjawab untuk membayar *revenue return* sebagaimana yang diperuntukan dalam klausa 7 PMC dan GRA.

(o) Selanjutnya dalam memutuskan isu mengenai pencerobohan oleh defendan, saya mendapati fakta menunjukkan bahawa operasi sementara hotel telah dijalankan oleh GHSB dan bukannya defendan. lni adalah kerana lesen hotel telah dipohon dan didaftarkan atas nama GHSB. Sekiranya plaintif beranggapan bahawa wujudnya suatu muslihat oleh defendan dan GHSB untuk mengelak dari obligasi dan tanggggungjawab dibawah klausa 7 PMC dan GRA, maka adalah wajar plaintif mengambil tindakan berasingan terhadap GHSB tambahan pula plaintif juga mengakui bahawa GHSB bukan pihak dalam tindakan ini. Walaupun GHSB dan defendan mempunyai 'common directors' tetapi kedua-dua syarikat ini adalah dua entiti yang berbeza dan mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi terma-terma perjanjian yang berbeza.

(p) Saya berpendapat defendan tidak melakukan sebarang pencerobohan keatas hartanah kerana GHSB adalah pihak yang menduduki hotel tersebut dan bukannya defendan. Sekiranya defendan tidak mempunyai

apa-apa kaitan dengan operasi sementara hotel tersebut, konklusi mudah kepada isu ini adalah defendan tidak melakukan sebarang pencerobohan terhadap hartanah tersebut secara keseluruhannya. Dalam masa yang sama, defendan tidak mempunyai hak untuk menjalankan perniagaan hotel atas sebab belum menerima milikan kosong dan atas sebab hotel tersebut belum lagi siap mengikut kehendak perjanjian PMC dan GRA tersebut. Oleh yang demikian, tidak timbul isu pencerobohan oleh defendan apabila dari segi faktanya, defendan lansung tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan operasi sementara hotel tersebut. Tuntutan plaintif untuk mengekalkan perintah interim injunksi ditolak dan dengan ini perintah interim injuksi tersebut dibatalkan. Gantirugi rugi bagi pencerobohan yang dituntut dari 20 Disember 2017 adalah ditolak.

(q) Bagi tuntutan plaintif untuk bayaran denda yang dikenakan oleh MBSA sebanyak RM60,930, mahkamah mendapati bahawa denda ini adalah berkaitan dengan pembinaan hotel yang melibatkan plaintif dan GHSB dan bukannya defendan. Klausa 5(b) PMC dan GRA memperuntukkan obligasi defendan untuk mendapatkan atau menguruskan semua permit, lesen dan kebenaran yang diperlukan dari pihak berwajib untuk membenarkan pembinaan hotel. Dalam hal ini plaintif menyatakan defendan telah memungkiri klausa 5(b) bila mana cuai untuk mendapat kelulusan pembinaan. Dari keterangan yang dikemukakan, walaupun notis amaran dikeluarkan oleh MBSA pada 2 April 2013 dan 26 April 2013, namun pembinaan masih tetap diteruskan sebelum pelan kelulusan dberi oleh MBSA. Tambahan pula pembinaan tersebut adalah di antara plaintif dan GHSB sebagai kontraktor yang mana plaintif semesti mempunyai pengetahuan penuh bahawa kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian hotel tersebut telah dijalankan tanpa sebarang pelan kelulusan dari MBSA dan kedudukan ini juga disahkan oleh SP1. Atas alasan dinyatakan ini saya berpendapat plaintif adalah bertanggungan atas bayaran denda RM60,930 yang dikenakan dan bukannya defendan dan oleh yang demikian, tuntutan plaintif dibawah perenggan ini adalah ditolak.

(r) Bagi tuntutan penyelenggaran bangunan sebanyak RM68,814.72 setakat 30 September 2017. Plaintif mendakwa bahawa berdasarkan kepada klausa 5(f) PMC dan GRA, defendan hendaklah membayar caj utiliti dan melalui klausa 10 PMC dan GRA juga plaintif dikecualikan membayar cukai pintu dan penyelenggaraan. Dalam hal ini mahkamah mentafsirkan kedua-dua klausa ini adalah bayaran yang perlu dibuat oleh defendan selepas pembinaan hotel tersebut siap dan beroperasi mengikut klausa 2 PMC dan GRA dan ini juga diakui oleh SP1. Oleh yang demikian, memandangkan hotel belum siap dan beroperasi sepenuhnya, saya mendapati defendan tidak bertanggungjawab untuk membayar bil penyelenggaraan seperti yang dituntut oleh plaintif. Oleh itu tuntutan plaintif bagi penyelenggaran bangunan sebanyak RM68,814.72 adalah ditolak.

(s) Dapatan yang sama juga kepada tuntutan plaintif di perenggan-perenggan 23.5 dan 23.6 penyata tuntutan yang mana

